

NO SOALAN :121

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
(PASIR PUTEH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan memberi laporan terperinci kedudukan wang-wang yang diperoleh serta penggunaannya daripada kutipan cukai GST (Government Service Tax) sejak dilaksanakan ke atas rakyat sehingga ke hari ini. Berapakah kutipan yang dihasilkan daripada Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- 1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kutipan hasil cukai GST dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama-sama dengan semua cukai langsung dan cukai tidak langsung

selainnya yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. Seterusnya kutipan cukai tersebut dikembalikan sebagai agihan peruntukan bagi membiayai aktiviti pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat seperti menambah baik kemudahan infrastruktur jalan raya, kesihatan dan pendidikan yang tentunya dapat terus menyokong pembangunan ekonomi yang mapan dalam jangka panjang.

- 2) Kutipan cukai di sesuatu negeri termasuklah di negeri Kelantan adalah tidak menggambarkan sumbangan pendapatan secara langsung yang dihasilkan daripada aktiviti ekonomi di negeri tersebut. Ini disebabkan lokasi kutipan cukai oleh JKDM adalah berbeza dengan tempat di mana aktiviti ekonomi dijalankan atau negeri tempat operasi syarikat yang berdaftar GST.
- 3) Namun begitu, selaras dengan amalan pentadbiran aktiviti pengutipan cukai yang dibuat mengikut lokasi pembayaran, pengimportan serta pembekalan barang dan perkhidmatan, kutipan mengikut lokasi masih direkodkan di peringkat negeri-negeri. Jumlah kutipan GST di negeri Kelantan bagi tahun 2015 dan 2016 sebanyak RM70.56 juta dan RM157.56 juta. Sehingga 16 Oktober 2017, sebanyak RM109.1 juta telah dikutip.